

BUFET RAMADAN



Pihak berkuasa perlu sentiasa melakukan pemantauan serta penguatkuasaan ke atas setiap premis makanan yang mengadakan promosi bufet Ramadan bagi mengelak sebarang penipuan.

(GAMBAR HIASAN)

Pantau promosi hidangan buka puasa elak salah guna status halal

Ramadan adalah bulan mulia yang sentiasa dinanti-nantikan kehadirannya oleh semua umat Islam di serata dunia pada setiap tahun.

Kedatangan bulan ini membawa pelbagai manfaat kepada seluruh umat Islam dari aspek kesihatan, aspek penjagaan kesihatan, penjimatan perbelanjaan, pengukuhan persaudaraan sesama Islam dan banyak lagi.

Bagaimanapun, ketika umat Islam ingin menyambut kedatangan bulan yang penuh berkat itu, ada segelintir pihak cuba mengambil kesempatan mengaut keuntungan dengan menawarkan

pelbagai jenis promosi hidangan bagi menarik pengguna Islam untuk berbelanja.

Ungkapan seperti Bufet Ramadan, Makanan Berbuka Puasa, Iftar Ramadan atau Makanan Bersahur sudah mula kedengaran ditawarkan oleh peniaga sempena kedatangan Ramadan.

Promosi tarik perhatian

Promosi hidangan itu sudah pasti menarik perhatian ramai pengguna Islam yang sentiasa sibuk dengan tugas harian serta tidak berkesempatan menyediakan hidangan bersahur atau berbuka puasa.

Perlu diketahui, hanya premis

yang mendapat pengesahan pensijilan halal Malaysia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau majlis atau jabatan agama Islam negeri sahaja boleh menggunakan ungkapan itu.

Beri pengguna perlindungan

Penggunaan perkataan seperti yang dinyatakan di atas adalah termasuk dalam takrif halal dan perbuatan menggunakan ungkapan sedemikian dengan sewenang-wenangnya tanpa mematuhi undang-undang sedia ada boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Perihal Dagangan (APD) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal)

dagangan atau aktiviti perniagaan yang tidak sihat atau yang bertentangan dengan hukum syarak.

Mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal), mana-mana pihak yang menyalahi perintah berkenaan serta mengelirukan orang ramai terhadap penggunaan status halal adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM1 juta atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya bagi seseorang individu.

Penalti untuk sesebuah syarikat atau pertubuhan perbadanan berkaitan dengan perkara terbabit boleh membabitkan denda sehingga RM5 juta.

Sentiasa buat pemantauan

Saya berpendapat pihak berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK), JAKIM serta jabatan agama Islam negeri perlu sentiasa melakukan pemantauan serta penguatkuasaan ke atas setiap premis makanan, termasuk dapur hotel yang mengadakan promosi bufet Ramadan bagi mengelak sebarang penipuan.

Pengguna juga mendapatkan maklumat status terkini mengenai premis makanan, restoran dan dapur hotel yang mempunyai sijil pengesahan halal melalui Direktori Halal Malaysia di www.halal.gov.my bagi mengelak mereka ditipu oleh sesetengah peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Semoga Ramadan tahun ini membawa 1,000 rahmat serta ganjaran pahala yang banyak buat semua umat Islam yang menunaikannya. Selamat menyambut kedatangan Ramadan al-Mubarak kepada semua umat Islam.

Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bharian.com.my

dan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Undang-undang terbabit memberi perlindungan kepada peniaga serta pengguna dalam negara kita daripada sebarang amalan per-